

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 JULAI 2023  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 36

Ringgit dijangka diniagakan sekitar RM4.53- RM 4.55

## Ringgit dijangka diniagakan sekitar RM4.53 - RM4.55

**PETALING JAYA:** Penganalisis ekonomi mengunjurkan prestasi FBM KLCI minggu ini sekitar 1,400 ke 1,405 mata, manakala ringgit diniagakan sekitar RM4.53 ke RM4.55 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

Kelmarin, Bursa Malaysia mengakhiri sesi dagangan lebih rendah, namun masih melepasi paras 1,400 mata.

Pada pukul 5 petang kelmarin, FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) susut 3.07 mata kepada 1,403.03 mata daripada 1,406.10 pada penutup Isnin.

Mata wang tempatan pula didagangkan sedikit rendah pada pembukaan sesi pada 4.5380/5430 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) daripada 4.5350/5450 pada penutup kelmarin, namun lebih baik berbanding prestasi minggu lalu.

Ringgit kemudian ditutup pada 4.5370/5420 sedolar AS.

Ketua Ekonomi dan Kewangan Sosial Bank Muamalat Malaysia Bhd., Dr. Mohd. Afzalizam Abdul Rashid berkata, perkara utama yang menjadi pendorong kepada prestasi yang

baik ini adalah situasi dasar monetari di AS.

"Ia berikutan kadar inflasi yang kian menyusut kepada 3.0 peratus pada Jun lalu setelah mencapai paras tertinggi dalam tempoh 40 tahun iaitu 9.1 peratus pada bulan sama tahun lalu.

"Justeru, angka ini menunjukkan bahawa terdapat kemungkinan besar pihak Rizab Persekutuan (Fed) AS bakal mengubah pendirian mereka ke arah dasar yang lebih menyokong pertumbuhan ekono-

mi," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Jelas beliau, buat masa ini, tumpuan dasar monetari di AS adalah untuk mengurangkan tekanan inflasi yang dikatakan boleh membawa mudarat besar ekonomi jika tidak dibendung.

Katanya, inflasi akan mengurangkan kuasa beli rakyat dan jika tidak dibendung, ia boleh menyebabkan penguncupan pertumbuhan ekonomi.

"Oleh itu, jangkaan peralihan pendirian dasar monetari AS merupakan mangkin utama

yg menyebabkan ringgit serta pasaran saham meningkat," ujarnya.

Ditanya sejauh mana perkembangan domestik terutama politik terus mempengaruhi prestasi ringgit dan bursa, beliau menegaskan, Pilihan Raya Negeri (PRN) yang akan berlangsung tidak lama lagi sepatutnya tidak menjejaskan Kerajaan Persekutuan.

"Namun, para pelabur akan sentiasa memerhati perkembangan terkini bagi mengukur 'suhu' politik negara," katanya.